

10 MAY, 2021

Didik penjawat awam tolak rasuah

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 3

Didik penjawat awam tolak rasuah

SPRM Kedah lancar
kempen Gerakan
Memerangi Pemberi
Rasuah Kedah
(Gempark)

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR

CHANGLUN

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Kedah melancarkan kempen Gerakan Memerangi Pemberi Rasuah Kedah (Gempark) terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh Kedah bagi mendidik penjawat awam agar tidak terlibat rasuah.

Menurut Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap, usaha itu mendapat kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Jabat-

an Integriti Dan Tadbir Urus (JITU), Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah (ACEiO), Yayasan Anti Rasuah Malaysia (YARM), Persatuan Bekas Pegawai SPRM (PBPS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri.

“Kami mahu mendidik penjawat awam supaya menolak sama sekali sebarang bentuk tawaran atau pemberian rasuah.

“Jika ada maklumat tentang pemberi rasuah, boleh laporkan kepada SPRM,” katanya ketika ditemui pada Program Ziarah Kasih Ramadan 2021 SPRM Kedah bersama Hasani Book Store dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kedah di Masjid Ibnu Sina Kampung Tradisi Lembah Keriang, Changlun baru-baru ini.

Pada 28 April lalu, Gempark dilancarkan di Kedah dan pelaksanaan dilakukan melalui konvoi motosikal berkuasa rendah yang terdiri daripada pegawai SPRM dan PBT.

Program turun padang itu bertujuan bertemu dan beramah mesra bersama pegawai, kakitangan PBT dan masyarakat di seluruh Kedah.

Dalam pada itu, Shaharom berkata, penerimaan rakyat terhadap SPRM juga semakin baik hasil program turun padang dan penerangan tentang peranan orang awam membantu agensi

tersebut dalam memerangi jenayah rasuah.

Menurutnya, situasi hari ini dilihat semakin berbeza dan masyarakat juga semakin faham dan tampil dengan menyalurkan maklumat bagi membantu pihaknya menyelamatkan negara.

“Peranan yang diberikan oleh ketua komuniti setempat

dan juga ketua kampung banyak membantu SPRM menjalinkan hubungan yang baik dengan masyarakat setempat,” ujarnya.

Tambah beliau, program turun padang untuk memberikan penerangan tentang peranan komuniti membantu SPRM bagi memerangi rasuah di seluruh Kedah akan dilakukan dari masa ke masa.



10 MAY, 2021

Didik penjawat awam tolak rasuah


Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 3



Shaharom (tengah) bergambar bersama pengurusan dan penganjur Program Ziarah Kasih Ramadan 2021 SPRM Kedah, Hasani Book Store dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kedah di Masjid Ibnu Sina Kampung Tradisi Lembah Keriang, Changlun pada Selasa.



10 MAY, 2021

Didik penjawat awam tolak rasuah

Sinar Harian, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

SPRM Kedah lancar kempen Gerakan Memerangi Pemberi Rasuah Kedah (Gempark)

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR CHANGLUN

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Kedah melancarkan kempen Gerakan Memerangi Pemberi Rasuah Kedah (Gempark) terhadap pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh Kedah bagi mendidik penjawat awam agar tidak terlibat rasuah.